

# Pengarah JBS Labuan kunjungi UMS-KAL

NST 14/04/2012 10

LABUAN: Seramai 13 pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Wilayah Persekutuan Labuan yang diketuai oleh pengatrahnya, Mohd Faizul Helmi Mohd Sab mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), pagi kelmarin.

Turut sama dalam lawatan itu, penolongnya Ronnie Boniface Nugi.

Tujuan utama lawatan itu adalah untuk meninjau sendiri Amalan 5S yang dipraktikkan UMS-KAL yang memperolehi Persijilan Amalan 5S daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada 28 Oktober 2011.

Taklimat mengenai pentadbiran telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah di Bilik Seminar yang turut dihadiri Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah.

Penolong Pendaftar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Mas Adi Alimin yang juga Ketua Jawatankuasa Induk Latihan pula menyampaikan taklimat mengenai perkembangan Amalan 5S di kampus tersebut.

Turut hadir Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil dan Penolong Pendaftar Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Mohd Fadzli Sarudi.

Rombongan JBS itu dibawa melawat ke Pejabat Bahagian Perkhidmatan



**KENANGAN ...** Zamri (empat kanan) dan Mohd Faizul (empat kiri) bersama kakitangan Jabatan Belia dan Sukan yang mengunjungi UMS-KAL, kelmarin.

Akademik (BPA), SPKAL, Bahagian Sukan, Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI) dan Perpustakaan yang diiringi Ketua Audit Amalan 5S, Didiroy Dickson Joneh.

Dalam taklimatnya, Zamri bagi pihak Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata sejak beroperasi pada 1999, UMS-KAL telah mengeluarkan kira-kira 3, 560 graduan dan kini mempunyai 2,100 mahasiswa termasuk 176 pelajar antarabangsa dari China, Timur Tengah, Turki dan Tanzania.

Katanya, pelajar berkenaan melanjutkan pengajian mereka di SPKAL dan

Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) yang menawarkan program bertaraf antarabangsa yang memenuhi alam kerjaya sama ada di jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan perbankan.

Sementara itu, Mohd Faizul berkata lawatan itu sangat memberi manfaat kepada pengurusan JBS yang bakal mengamalkan Amalan 5S dalam kalangan pegawai dan kakitangan jabatan itu.

Beliau berharap ahli yang mengikuti lawatan itu telah memperolehi pengetahuan hasil perkongsian pintar dengan Jawatankuasa Amalan 5S UMS-KAL. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**



**TANDA INGATAN ...** Zamri (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mohd Faizul diperhatikan Musnin (kiri) di Bilik Seminar UMS-KAL.